



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 25 TAHUN 2009

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI KANAN POLIS DAN
PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan perubahan skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2003 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 24 Tahun 2008.

LATAR BELAKANG

2. Sebagaimana dimaklumi, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 24 Tahun 2008, skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel telah diperkukuhkan dari segi struktur perkhidmatan dan lapisan gred, syarat lantikan serta lain-lain perbekalan selaras dengan keperluan perolehan modal insan yang mempunyai kepakaran dan ciri-ciri badan beruniform yang berdisiplin tinggi dalam memerangi dan membanteras jenayah dengan lebih berkesan dan mengembalikan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan PDRM selaras dengan Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM.

3. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pekeling perkhidmatan tersebut telah ditangguhkan berikutan keperluan mengkaji semula jadual gaji matriks bagi jawatan-jawatan di gred lantikan dan yang berkaitan supaya menepati prinsip kadar upah untuk kerja dan kelayakan yang diperlukan dalam melaksanakan skop fungsi tugas yang ditetapkan

di samping memperuntukkan kaedah kenaikan pangkat secara lantikan dengan kelayakan akademik atau Peperiksaan Khas sebagai unsur menarik dan mengekalkan pegawai.

4. Sehubungan itu, sebagai satu pakej penambahbaikan, kerajaan telah meluluskan perubahan skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang meliputi struktur perkhidmatan, lapisan gred, syarat lantikan, jadual gaji matriks serta lain-lain perbekalan yang berkenaan seiring dengan keperluan meningkatkan sistem penyampaian dan kompetensi pegawai sektor awam.

PERUBAHAN

5. Skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2003 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 24 Tahun 2008 diubah seperti berikut:

- (a) perubahan gred jawatan/ kod gaji kepada YA13, YA16, YA18, YA20, YA22, YA24;
- (b) peningkatan kelayakan masuk pangkat Inspektor dengan diperuntukkan Kelayakan Masuk Pelbagai di peringkat ijazah sarjana muda kepujian, sarjana atau PhD;
- (c) perubahan jadual gaji matriks bagi pangkat Inspektor, Penolong Penguasa Polis dan Timbalan Penguasa Polis;
- (d) penggabungan pangkat Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred I dan pangkat Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred II kepada pangkat Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis;
- (e) pemansuhan pangkat Ketua Inspektor;
- (f) peruntukan kenaikan pangkat secara lantikan bagi Pegawai Rendah Polis dan Konstabel ke pangkat Inspektor tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan; dan
- (g) peruntukan syarat lulus Peperiksaan Undang-undang Tinggi bagi Inspektor dalam tempoh percubaan.

6. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa dikekalkan.

7. Skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis yang baru adalah seperti di **Lampiran A** dan format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual gaji matriks bagi skim perkhidmatan ini adalah seperti di **Lampiran C, C1, C2, C3, C4, C5, C6, C7, C8** dan **C9**. Penghuraian kerja adalah seperti di **Lampiran D**.

8. Skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2003 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 24 Tahun 2008 diubah seperti berikut:

- (a) perubahan gred jawatan/ kod gaji kepada YA1, YA2, YA4, YA5/6, YA8, YA10;
- (b) peruntukan lantikan terus ke pangkat Sarjan dengan kelayakan STPM/ diploma;
- (c) perubahan jadual gaji matriks bagi pangkat Sarjan, Sarjan Mejar dan Sub-Inspektor;
- (d) peruntukan kenaikan pangkat bagi pangkat Konstabel dan pangkat Lans Koperal ke pangkat Sarjan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan;
- (e) peruntukan kenaikan pangkat secara lantikan bagi perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Sokongan ke pangkat Konstabel di perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan; dan
- (f) peruntukan syarat lulus Peperiksaan Undang-undang Pertengahan bagi mengambil Peperiksaan Khas.

9. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa dikekalkan.

10. Skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru adalah seperti di **Lampiran E** dan contoh iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran F dan F1**. Jadual gaji

matriks bagi skim perkhidmatan ini adalah seperti di **Lampiran G, G1, G2, G3, G4, G5** dan **G6**. Penghuraian kerja adalah seperti di **Lampiran H**.

PELAKSANAAN

11. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang telah dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru mengikut pangkat dan gred seperti berikut:

Pegawai Kanan Polis

- (a) Pegawai Kanan Polis dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred VUYY akan ditukar lantik ke Gred VUYA;
- (b) Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred I Gred YY26 dan Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred II Gred YY24 akan ditukar lantik ke Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred YA24;
- (c) Penolong Pesuruhjaya Polis Gred YY22 akan ditukar lantik ke Penolong Pesuruhjaya Polis Gred YA22;
- (d) Penguasa Polis Gred YY20 akan ditukar lantik ke Penguasa Polis Gred YA20;
- (e) Timbalan Penguasa Polis Gred YY18 akan ditukar lantik ke Timbalan Penguasa Polis Gred YA18;
- (f) Penolong Penguasa Polis Gred YY15 dan YY16 akan ditukar lantik ke Penolong Penguasa Polis Gred YA16;
- (g) Ketua Inspektor Gred YY14 dan Inspektor Gred YY11 yang memiliki kelayakan seperti disebutkan di perenggan 5(b) iaitu ijazah sarjana muda kepujian, sarjana atau PhD yang diiktiraf oleh kerajaan akan ditukar lantik ke Inspektor Gred YA13; dan
- (h) Ketua Inspektor Gred YY14 dan Inspektor Gred YY11 yang tidak memiliki kelayakan seperti disebutkan di perenggan 5(b) iaitu ijazah sarjana muda kepujian, sarjana atau PhD yang diiktiraf oleh kerajaan dan belum berkhidmat

melebihi sembilan (9) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran lantikan akan kekal dalam gred asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Pegawai akan ditukar lantik ke Inspektor Gred YA13 sehari selepas memenuhi salah satu syarat berikut:

- (i) mendapat kelayakan ijazah sarjana muda kepujian, sarjana atau PhD atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) genap sembilan (9) tahun tempoh perkhidmatan dalam jawatan sekarang. Tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap di skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji; atau
- (iii) hadir dan lulus dengan jayanya kursus peralihan setara yang ditetapkan.

Pegawai Rendah Polis dan Konstabel

- (i) Sub-Inspektor Gred YY10 akan ditukar lantik ke Sub-Inspektor Gred YA10;
- (j) Sarjan Mejar Gred YY8 akan ditukar lantik ke Sarjan Mejar Gred YA8;
- (k) Sarjan Gred YY6 akan ditukar lantik ke Sarjan Gred YA6;
- (l) Koperal Gred YY4 akan ditukar lantik ke Koperal Gred YA4;
- (m) Lans Koperal Gred YY2 akan ditukar lantik ke Lans Koperal Gred YA2; dan
- (n) Konstabel Gred YY1 akan ditukar lantik ke Konstabel Gred YA1.

PEMBERIAN OPSYEN

12. Dengan pelaksanaan skim perkhidmatan yang baru ini, Pihak Berkuasa Melantik melalui ketua perkhidmatan akan mengeluarkan opsyen kepada semua pegawai yang terlibat bagi membolehkan mereka membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis Gred YA13, YA16, YA18, YA20, YA22, YA24 dan skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Gred YA1, YA2, YA4, YA5/6, YA8, YA10. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

13. Pegawai yang terlibat diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baru ini. Mereka akan kekal di gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

14. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta telah memilih Sistem Saraan Malaysia.

15. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada pegawai tetap yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

16. Pegawai yang sedang dalam tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut akan terbatal dengan sendirinya.

17. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 15 di atas alasan yang munasabah dalam tempoh opsyen asal, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

18. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai yang memenuhi syarat, dokumen yang berkaitan seperti berikut:

Pegawai Kanan Polis

- (a) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan seperti **Lampiran J**

- (b) Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan seperti **Lampiran J1**
- (c) Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan seperti **Lampiran J2**

Pegawai Rendah Polis dan Konstabel

- (a) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan seperti **Lampiran K**
- (b) Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan seperti **Lampiran K1**
- (c) Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan seperti **Lampiran K2**

19. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan untuk pegawai yang **belum memenuhi syarat**, dokumen yang berkaitan seperti berikut:

Pegawai Kanan Polis

- (a) Contoh Surat Tawaran Pertukaran Pelantikan seperti **Lampiran L**
- (b) Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan seperti **Lampiran L1**
- (c) Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan seperti **Lampiran L2**

20. Bagi pegawai yang belum memenuhi syarat mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2003, hendaklah memenuhi syarat yang telah ditetapkan terlebih dahulu sebelum ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baru.

21. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai yang dilantik secara sementara, peminjaman, kontrak atau sambilan.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

22. Bagi melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, ketua jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

- (a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat melalui ketua jabatan setelah mendapat butiran nama pegawai yang terlibat daripada ketua jabatan/ perkhidmatan.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menyampaikan tawaran opsyen kepada Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang terlibat. Penjelasan yang terperinci mengenai opsyen ini hendaklah diberi kepada pegawai yang terlibat termasuklah implikasi keputusan yang akan dibuat;
- (ii) menyampaikan tawaran opsyen kepada pegawai yang belum memenuhi syarat untuk pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru dengan menggunakan borang opsyen yang berkaitan;
- (iii) ketua jabatan hendaklah mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pembangunan Organisasi) mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada ketua jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang tawaran opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh ketua jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) membuat pilihan dan mengembalikan borang tawaran opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran opsyen.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

23. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan daripada skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis ke skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis yang baru ditetapkan seperti berikut:-

- (a) Pegawai Kanan Polis yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru;
- (b) Pegawai Kanan Polis yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan ditukar lantik ke gred jawatan yang setaraf hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika mata gaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (c) Pegawai Kanan Polis yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan ditukar lantik ke gred jawatan yang tidak setaraf hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di gred jawatan baru. Jika mata gaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (d) Pegawai Kanan Polis yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan ditukar lantik ke gred jawatan yang tidak setaraf hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika mata gaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

24. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan daripada skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru ditetapkan seperti berikut:-

- (a) Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di gred jawatan baru; dan
- (b) Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang dari satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika mata gaji mengikut Peringkat (P) gaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

25. Sekiranya mata gaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip penetapan gaji pertukaran pelantikan seperti mana kaedah di perenggan 23 dan 24, Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Saraan).

26. Secara terperinci pertukaran pelantikan skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis Gred YY11, YY14, YY15/YY16, YY18, YY20, YY22, YY24, YY26 ke skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis yang baru Gred YA13, YA16, YA18, YA20, YA22, YA24 bagi setiap gred/ pangkat ditetapkan seperti berikut:

Skim Perkhidmatan Pegawai Kanan Polis

(a) Inspektor Gred YY11

- (i) Inspektor Gred YY11 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan ijazah sarjana muda kepujian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13;
- (ii) Inspektor Gred YY11 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan ijazah sarjana muda undang-undang atau

kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai mata gaji permulaan P1T2 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan P1T2 di Gred YA13;

- (iii) Inspektor Gred YY11 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan ijazah sarjana muda kejuruteraan dalam bidang-bidang yang diperlukan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai mata gaji permulaan P1T3 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan P1T3 di Gred YA13;
- (iv) Inspektor Gred YY11 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai mata gaji permulaan P1T4 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan P1T4 di Gred YA13;
- (v) Inspektor Gred YY11 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan ijazah sarjana muda perakaunan atau ijazah Sarjana atau Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai mata gaji permulaan P1T5 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan P1T5 di Gred YA13;

- (vi) Inspektor Gred YY11 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan ijazah sarjana muda perakaunan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan atau ijazah sarjana muda perubatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai mata gaji permulaan P1T6 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan P1T6 di Gred YA13;
- (vii) Inspektor Gred YY11 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia atau ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang forensik, matematik atau perakaunan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai mata gaji permulaan P1T7 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan P1T7 di Gred YA13;
- (viii) Inspektor Gred YY11 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan ijazah sarjana muda kepujian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY11. Jika mata gaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

- (ix) Inspektor Gred YY11 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan ijazah sarjana muda undang-undang atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY11. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai mata gaji permulaan P1T2 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan P1T2 di Gred YA13;
- (x) Inspektor Gred YY11 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan ijazah sarjana muda kejuruteraan dalam bidang-bidang yang diperlukan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY11. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai mata gaji permulaan P1T3 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan P1T3 di Gred YA13;
- (xi) Inspektor Gred YY11 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY11. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai mata gaji permulaan P1T4 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan P1T4 di Gred YA13;
- (xii) Inspektor Gred YY11 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan ijazah sarjana muda perakaunan atau ijazah Sarjana atau Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan atau

kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY11. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai mata gaji permulaan P1T5 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan P1T5 di Gred YA13;

(xiii) Inspektor Gred YY11 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan ijazah sarjana muda perakaunan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan atau ijazah sarjana muda perubatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY11. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai mata gaji permulaan P1T6 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan P1T6 di Gred YA13;

(xiv) Inspektor Gred YY11 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia atau ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang forensik, matematik atau perakaunan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY11. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai mata gaji permulaan P1T7 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan P1T7 di Gred YA13;

- (xv) Inspektor Gred YY11 yang tidak memiliki kelayakan ijazah sarjana muda kepujian dan **telah berkhidmat genap 9 tahun pada 31 Disember 2008 dalam skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis** hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY11. Jika mata gaji mengikut Peringkat (P) di Gred YA13 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya. Tempoh berkhidmat selama **9 tahun** yang boleh dimasukkan hendaklah dalam perkhidmatan tetap, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji; dan
- (xvi) Inspektor Gred YY11 yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan di perenggan 26(a)(xv) hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan sedia ada. Gaji mereka hanya akan dipindahkan ke mata gaji berkaitan pada Gred YA13 **sehari selepas** memenuhi syarat yang ditetapkan.

(b) **Ketua Inspektor Gred YY14**

- (i) Ketua Inspektor Gred YY14 yang memiliki ijazah sarjana muda kepujian hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY14. Jika mata gaji mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YA13 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (ii) Ketua Inspektor Gred YY14 yang tidak memiliki kelayakan ijazah sarjana muda kepujian dan **telah berkhidmat genap 9 tahun pada 31 Disember 2008 dalam skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis** hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA13

yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY14. Jika mata gaji mengikut Peringkat (P) di Gred YA13 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya. Tempoh berkhidmat selama **9 tahun** yang boleh dimasukkan hendaklah dalam perkhidmatan tetap, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji; dan

- (iii) Ketua Inspektor Gred YY14 yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan di perenggan 26(b)(ii) hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan sedia ada. Gaji mereka hanya akan dipindahkan ke mata gaji berkaitan pada Gred YA13 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan.

(c) **Penolong Penguasa Polis Gred YY15 (Gred Lantikan)**

- (i) Penolong Penguasa Polis Gred YY15 yang **belum disahkan** hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA16. Jika mata gaji mengikut Peringkat (P) di Gred YA16 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (ii) Penolong Penguasa Polis Gred YY15 yang **telah disahkan** dan berada di Peringkat 1 (P1) hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA16 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY15. Jika mata gaji mengikut Peringkat (P) di Gred YA16 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (iii) Penolong Penguasa Polis Gred YY15 yang telah berada di atas mata gaji di Peringkat 2 (P2) atau di Peringkat 3 (P3) di gred jawatan asal, hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal yang mana jumlahnya tidak kurang

daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY15 dan diselaraskan di Peringkat 2 (P2) di Gred YA16.

(d) **Penolong Penguasa Polis Gred YY16 (Gred Kenaikan Pangkat)**

Penolong Penguasa Polis Gred YY16 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YA16 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY16. Jika mata gaji di Peringkat (P) di Gred YA16 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(e) **Timbalan Penguasa Polis Gred YY18**

Timbalan Penguasa Polis Gred YY18 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YA18 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY18. Jika mata gaji di Peringkat (P) di Gred YA18 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(f) **Penguasa Polis Gred YY20**

Penguasa Polis Gred YY20 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YA20 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY20. Jika mata gaji di Peringkat (P) di Gred YA20 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(g) **Penolong Pesuruhjaya Polis Gred YY22**

Penolong Pesuruhjaya Polis Gred YY22 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YA22 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY22. Jika mata gaji di Peringkat (P) di

Gred YA22 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(h) **Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred II Gred YY24**

Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred II Gred YY24 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gaji di Gred YA24 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY24. Jika mata gaji di Peringkat (P) di Gred YA24 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(i) **Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred I Gred YY26**

Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred I Gred YY26 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YA24 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY26. Jika mata gaji di Peringkat (P) di Gred YA24 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(j) **Timbalan Pesuruhjaya Polis Gred VUYY7**

Timbalan Pesuruhjaya Polis Gred VUYY7 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran di Gred VUYA7 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji di Gred VUYY7.

(k) **Pesuruhjaya Polis Gred VUYY6**

Pesuruhjaya Polis Gred VUYY6 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran di Gred VUYA6 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji di Gred VUYY6.

(l) **Timbalan Ketua Polis Negara Gred VUYY5**

Timbalan Ketua Polis Negara Gred VUYY5 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran di Gred VUYA5 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji di Gred VUYY5.

(m) **Ketua Polis Negara Gred VUYY3**

Ketua Polis Negara Gred VUYY3 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran di Gred VUYA3 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji di Gred VUYY3.

27. Sekiranya mata gaji di gred jawatan baru Gred YA13, YA16, YA18, YA20, YA22, YA24 dan Gred-gred VUYA tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di perenggan 26 (a) hingga (m) di atas, maka gaji permulaannya hendaklah ditetapkan mengikut prinsip di perenggan 25.

28. Secara terperinci pertukaran pelantikan skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Gred YY1, YY2, YY4, YY6, YY8, YY10 ke skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Gred YA1, YA2, YA4, YA5/6, YA8, YA10 bagi setiap gred ditetapkan seperti berikut:

Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel

(a) **Konstabel Gred YY1**

(i) Konstabel Gred YY1 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred YA1;

(ii) Konstabel Gred YY1 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YA1 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY1. Jika mata gaji mengikut Peringkat (P) di Gred YA1 tidak dapat menampung gaji permulaan yang

ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

(iii) Konstabel Gred Y1 (KUP) yang belum memenuhi syarat kelayakan atau tempoh perkhidmatan yang ditetapkan untuk ditukar lantik ke Konstabel Polis Gred YY1 mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2003 hendaklah memenuhi syarat yang ditetapkan terlebih dahulu sebelum ditukar lantik ke Konstabel Gred YA1 yang baru.

(b) **Lans Koperal Gred YY2**

Lans Koperal Gred YY2 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YA2 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY2. Jika mata gaji mengikut Peringkat (P) di Gred YA2 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(c) **Koperal Gred YY4**

Koperal Gred YY4 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YA4 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY4. Jika mata gaji mengikut Peringkat (P) di Gred YA4 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(d) **Sarjan Gred YY6**

Sarjan Gred YY6 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YA6 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY6. Jika mata gaji mengikut Peringkat (P) di Gred YA6 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(e) **Sarjan Mejar Gred YY8**

Sarjan Mejar Gred YY8 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YA8 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY8. Jika mata gaji mengikut Peringkat (P) di Gred YA8 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(f) **Sub-Inspektor Gred YY10**

Sub-Inspektor Gred YY10 hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji di Gred YA10 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred YY10. Jika mata gaji di Peringkat (P) di Gred YA10 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

29. Sekiranya mata gaji di gred jawatan baru Gred YA1, YA2, YA4, YA6, YA10 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di perenggan 28 (a) hingga (f) di atas, maka gaji permulaannya hendaklah ditetapkan mengikut prinsip di perenggan 25.

30. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan adalah seperti di **Lampiran M, M1, M2, M3, M4, M5, M6, M7 dan M8.**

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

31. Pergerakan Gaji Tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan hendaklah diberi di gred jawatan baru.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

32. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang menerima opsyen dan layak ditukar lantik hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru itu ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya.

33. TPG bagi pegawai yang menerima opsyen tetapi belum layak untuk ditukar lantik ke gred jawatan baru yang ditetapkan adalah tidak berubah. Walau bagaimanapun, TPG tersebut akan diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pegawai tersebut layak ditukar lantik dan TPG barunya ialah pada 1 Januari tahun berikutnya.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

34. Pelaksanaan skim perkhidmatan baru Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel tidak melibatkan perubahan kepada kaedah penetapan kelayakan elaun dan kemudahan yang ditetapkan berdasarkan pangkat. Elaun dan kemudahan yang diperuntukkan adalah terus berkuat kuasa di bawah skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru kecuali bagi Imbuhan Tetap Khidmat Polis, Bayaran Insentif Penerbangan serta Kelayakan dan Bayaran Wad bagi pangkat-pangkat berkaitan yang dipinda seperti berikut:

- (a) Imbuhan Tetap Khidmat Polis

Kadar Imbuhan Tetap Khidmat Polis ditetapkan seperti berikut:

Pangkat	Kadar (RM)
Penguasa Polis	450.00
Timbalan Penguasa Polis	400.00
Penolong Penguasa Polis	350.00
Inspektor	300.00
Sarjan - Sub-Inspektor	160.00
Konstabel - Koperal	115.00

Bagi pangkat Inspektor dan Ketua Inspektor yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan akan terus dibayar Imbuhan Tetap Khidmat Polis atas kadar semasa sehingga memenuhi syarat yang ditetapkan. Pegawai layak diberikan kadar Imbuhan Tetap Khidmat Polis di atas secara *proportionate* sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan.

(b) Bayaran Insentif Penerbangan bagi pangkat Inspektor

Kadar Bayaran Insentif Penerbangan bagi pangkat Inspektor ditetapkan seperti berikut:

Pangkat	Kadar Sebulan (RM)				
	Latihan	Operasi			Jurulatih
		Kursus Peralihan Pesawat	Pembantu Juruterbang	Juruterbang	
Inspektor	600.00	1300.00	2000.00	3000.00	3500.00

Bagi pangkat Inspektor dan Ketua Inspektor yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan akan terus dibayar Bayaran Insentif Penerbangan atas kadar semasa sehingga memenuhi syarat yang ditetapkan. Pegawai layak diberikan kadar Bayaran Insentif Penerbangan di atas secara *proportionate* sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan.

(c) Kelayakan dan Bayaran Wad

Kelayakan dan bayaran wad ditetapkan seperti berikut:

Pangkat	Kelayakan dan Bayaran Wad	
	Kelayakan Wad	Bayaran Wad (RM)
Penolong Pesuruhjaya Polis - Ketua Polis Negara	Kelas 1 Bilik Seorang	10.00
Inspektor - Penguasa Polis	Kelas 1 Bilik Berdua	8.00
Sarjan - Sub-Inspektor	Kelas 1 Bilik Bertiga	6.00
Konstabel - Koperal	Kelas 2	Percuma
–	Kelas 3	Percuma

Bagi Inspektor dan Ketua Inspektor yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan, kelayakan dan bayaran wad semasa akan terus kekal sehingga memenuhi syarat yang ditetapkan. Pegawai layak diberikan kelayakan dan bayaran wad di atas sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

35. Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan baru mengikut gred-gred berkenaan yang sama/ setaraf, boleh menggunakan kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di gred jawatan asal sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa. Selain daripada itu, pegawai yang telah melepasi tahap kecekapan yang diperlukan bagi mana-mana komponen PTK atas gred jawatan asal tidak perlu menduduki semula komponen berkenaan. Sebaliknya pegawai hanya perlu menduduki mana-mana komponen PTK yang belum melepasi tahap kecekapan yang ditetapkan di gred jawatan baru.

36. Inspektor dan Ketua Inspektor yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis baru pada gred yang tidak setaraf, tidak boleh menggunakan kelulusan PTK di gred jawatan asal sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

TARIKH KUAT KUASA

37. Skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang baru berkuat kuasa mulai **1 Januari 2009**.

PINDAAN


38. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, kelayakan dan bayaran wad di perenggan 11 Lampiran O, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1991 dan kadar Imbuan Tetap Khidmat Polis di perenggan 2, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2006 adalah dipinda kecuali bagi menampung pegawai yang tidak menerima opsyen di bawah urusan ini dan penyandang yang belum layak memasuki skim perkhidmatan yang baru.

PEMBATALAN

39. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka pekeliling-pekeliling perkhidmatan dan surat-surat edaran berikut adalah dibatalkan:

- (a) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2003 kecuali bagi menampung pegawai yang tidak menerima opsyen di bawah urusan ini dan penyandang yang belum layak memasuki skim perkhidmatan yang baru;
- (b) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 24 Tahun 2008;
- (c) Surat JPA(S)63/103/2(35) bertarikh 22 April 2009; dan
- (d) Surat JPA(S)(BGE)63/155-3(28) bertarikh 22 April 2009.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(**TAN SRI ISMAIL ADAM**)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

12/ Disember 2009

Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Ketua Polis Negara
Ketua Audit Negara

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KANAN POLIS**

- KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN POLIS
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
- TARIKH KUAT KUASA** : 1 JANUARI 2009
- NAMA**
1. Kaedah-kaedah ini boleh dinamakan Kaedah-kaedah Polis (Skim Perkhidmatan Pegawai Kanan Polis), 2009 (kemudian daripada ini disebut “Kaedah-kaedah ini”) dan akan berkuat kuasa pada 1.1.2009.
- PEMAKAIAN**
2. Kaedah-kaedah ini hendaklah dipakai bagi seluruh Malaysia dan bagi semua Pegawai Kanan Polis yang dilantik pada atau sebelum tarikh berkuat kuasanya Kaedah-kaedah ini.
- TAFSIRAN**
3. Semua perkara yang disebut dalam Kaedah-kaedah ini mempunyai makna yang sama dengan perbekalan-perbekalan dalam Akta Polis 1967.
- SKEL GAJI**
4. Skel gaji bagi perkhidmatan Pegawai Kanan Polis hendaklah seperti yang ditetapkan dalam jadual kepada Kaedah-kaedah ini.
- SYARAT LANTIKAN**
5. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: P1T1); atau

(ii) ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: P1T2); atau

(iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang-bidang yang diperlukan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: P1T3); atau

- (iv) ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: P1T4); atau

- (v) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: P1T5); atau

- (vi) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: P1T5); atau

- (vii) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: P1T6); atau

- (viii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: P1T7); atau

[Senarai Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan di perenggan 5(c)(vi) hingga (viii) di atas adalah seperti di Lampiran A1].

- (ix) ijazah Sarjana Muda Perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: P1T6); atau

- (x) ijazah sarjana yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: P1T5); atau

- (xi) ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang forensik, matematik atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: P1T7).

- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);
 - (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.

dan (e) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN DARIPADA PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL

6. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel adalah layak dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang diberi kuasa olehnya untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke pangkat Inspektor, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 5(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas ;
- (b) diperaku layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya; dan
- (c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN

7. Permohonan untuk lantikan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

8. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred YA13 boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya berasaskan kepada pengalaman kerja yang berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

9. Inspektor yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

10. (a) Inspektor lantikan terus di bawah Kaedah 5 adalah dikehendaki mengikuti latihan selama tempoh yang ditentukan oleh Ketua Polis Negara dari semasa ke semasa.
- (b) Inspektor yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan di bawah Kaedah 6 boleh dikecualikan daripada menjalani sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada latihan yang ditetapkan mengikut budi bicara Ketua Polis Negara.

**GAGAL DALAM LATIHAN
DAN PENAMATAN
LANTIKAN**

11. Inspektor lantikan terus di bawah Kaedah 5 yang gagal dalam latihannya boleh dipertimbangkan supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

12. Inspektor dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus Peperiksaan Undang-undang Tinggi yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

13. Inspektor yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus semua peperiksaan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

14. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT PENOLONG
PENGUASA POLIS**

15. Inspektor adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Penolong Penguasa Polis yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT TIMBALAN
PENGUASA POLIS**

16. Penolong Penguasa Polis adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Timbalan Penguasa Polis yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT PENGUASA
POLIS**

17. Timbalan Penguasa Polis adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Penguasa Polis yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT PENOLONG
PESURUHJAYA POLIS**

18. Penguasa Polis adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Penolong Pesuruhjaya Polis yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT PENOLONG
KANAN PESURUHJAYA
POLIS**

19. Penolong Pesuruhjaya Polis adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku layak dan sesuai tentang kebolehan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

20. Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan yang berkuatkuasa pada 1.1.2004 di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2003 dan menggantikan skim perkhidmatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 24 Tahun 2008.

JADUAL
(KAEDAH 4)
(Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 25 Tahun 2009)

Pangkat	Gred	Jadual Gaji Matriks					
Inspektor Polis	Gred YA13	:	P1T1	RM2060.28	-	P1T20	RM4511.09
			P2T1	RM2193.99	-	P2T20	RM4734.48
			P3T1	RM2332.41	-	P3T20	RM4962.39
Penolong Penguasa Polis	Gred YA16	:	P1T1	RM2130.00	-	P1T21	RM4709.80
			P2T1	RM2402.13	-	P2T21	RM5170.53
Timbalan Penguasa Polis	Gred YA18	:	P1T1	RM3034.96	-	P1T16	RM4969.81
			P2T1	RM3307.09	-	P2T16	RM5383.39
Penguasa Polis	Gred YA20		P1T1	RM4344.76	-	P1T9	RM5601.24
			P2T1	RM4677.44	-	P2T9	RM6036.72
Penolong Pesuruhjaya Polis	Gred YA22	:	P1T1	RM5031.52	-	P1T6	RM6095.22
			P2T1	RM5482.70	-	P2T6	RM6632.05
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis	Gred YA24	:	P1T1	RM5680.61	-	P1T8	RM7284.04
			P2T1	RM6116.08	-	P2T8	RM7905.14

SENARAI BADAN PERAKAUNAN YANG DIKTIRAF OLEH KERAJAAN

- (i) Ahli Institut Akauntan Malaysia;
- (ii) Ahli The Malaysian Association of Certified Public Accountants;
- (iii) Ahli The Institute of Chartered Accountants in England And Wales;
- (iv) Ahli The Institute of Chartered Accountants in Ireland;
- (v) Ahli The Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom);
- (vi) Ahli The Institute of Chartered Accountants in Australia;
- (vii) Ahli The Australian Society of Certified Practising Accountants;
- (viii) Ahli The Institute of Chartered Accountants New Zealand;
- (ix) Ahli The Canadian Institute of Chartered Accountants;
- (x) Ahli The Institute of Chartered Accountants of India; dan
- (xi) Ahli The Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom).

LAMPIRAN B

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Inspektor Polis
- (b) Kementerian/Jabatan : Polis Diraja Malaysia
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Polis

2. Jadual Gaji

Gaji Matriks

Gred YA13	P1T1 RM2060.28	-	P1T20 RM4511.09
	P2T1 RM2193.99	-	P2T20 RM4734.48
	P3T1 RM2332.41	-	P3T20 RM4962.39

3. Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13:P1T1); atau

- (ii) ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13:P1T2); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang-bidang yang diperlukan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13:P1T3); atau
- (iv) ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13:P1T4); atau
- (v) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA11:P1T5); atau
- (vi) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13:P1T5); atau
- (vii) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13:P1T6); atau
- (viii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13:P1T7); atau

(ix) ijazah Sarjana Muda Perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13:P1T6); atau

(x) ijazah sarjana yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13:P1T5); atau

(xi) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang forensik, matematik atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA13:P1T7).

(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);

(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.

- dan (e) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
4. Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel adalah layak dipertimbang oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang diberi kuasa olehnya untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Inspektor, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas;
- (b) diperaku layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya; dan
- (c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : Tetap
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Anggota yang memasuki perkhidmatan Pegawai Kanan Polis adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : Melaksanakan tugas-tugas Perkhidmatan Polis.
8. Tarikh tutup permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

(RM SEBULAN)

PANGKAT : INSPEKTOR POLIS

- I. GRED GAJI SSM: YA13**
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YA13000**
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009**

JADUAL GAJI SSM : YA13

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20
P1	2060.28	2189.27	2318.26	2447.25	2576.24	2705.23	2834.22	2963.21	3092.20	3221.19	3350.18	3479.17	3608.16	3737.15	3866.14	3995.13	4124.12	4253.11	4382.10	4511.09
P2	2193.99	2327.70	2461.41	2595.12	2728.83	2862.54	2996.25	3129.96	3263.67	3397.38	3531.09	3664.80	3798.51	3932.22	4065.93	4199.64	4333.35	4467.06	4600.77	4734.48
P3	2332.41	2470.83	2609.25	2747.67	2886.09	3024.51	3162.93	3301.35	3439.77	3578.19	3716.61	3855.03	3993.45	4131.87	4270.29	4408.71	4547.13	4685.55	4823.97	4962.39

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

(RM SEBULAN)

PANGKAT : PENOLONG PENGUASA POLIS

- I. **GRED GAJI SSM: YA16**
- II. **KOD GAJI KOMPUTER SSM: YA16000**
- III. **TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009**

JADUAL GAJI SSM : YA16

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21
P1	2130.00	2258.99	2387.98	2516.97	2645.96	2774.95	2903.94	3032.93	3161.92	3290.91	3419.90	3548.89	3677.88	3806.87	3935.86	4064.85	4193.84	4322.83	4451.82	4580.81	4709.80
P2	2402.13	2540.55	2678.97	2817.39	2955.81	3094.23	3232.65	3371.07	3509.49	3647.91	3786.33	3924.75	4063.17	4201.59	4340.01	4478.43	4616.85	4755.27	4893.69	5032.11	5170.53

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

(RM SEBULAN)

PANGKAT : TIMBALAN PENGUASA POLIS

- I. GRED GAJI SSM: YA18
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YA18000
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009

JADUAL GAJI SSM : YA18

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16
P1	3034.96	3163.95	3292.94	3421.93	3550.92	3679.91	3808.90	3937.89	4066.88	4195.87	4324.86	4453.85	4582.84	4711.83	4840.82	4969.81
P2	3307.09	3445.51	3583.93	3722.35	3860.77	3999.19	4137.61	4276.03	4414.45	4552.87	4691.29	4829.71	4968.13	5106.55	5244.97	5383.39

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL****(RM SEBULAN)****PANGKAT : PENGUASA POLIS**

- I. GRED GAJI SSM: YA20**
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YA20000**
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009**

JADUAL GAJI SSM : YA20

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9
P1	4344.76	4501.82	4658.88	4815.94	4973.00	5130.06	5287.12	5444.18	5601.24
P2	4677.44	4847.35	5017.26	5187.17	5357.08	5526.99	5696.90	5866.81	6036.72

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL****(RM SEBULAN)****PANGKAT : PENOLONG PESURUHJAYA POLIS**

- I. GRED GAJI SSM: YA22**
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YA22000**
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009**

JADUAL GAJI SSM : YA22

	T1	T2	T3	T4	T5	T6
P1	5031.52	5244.26	5457.00	5669.74	5882.48	6095.22
P2	5482.70	5712.57	5942.44	6172.31	6402.18	6632.05

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL****(RM SEBULAN)****PANGKAT : PENOLONG KANAN PESURUHJAYA POLIS**

- I. GRED GAJI SSM: YA24**
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YA24000**
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009**

JADUAL GAJI SSM : YA24

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8
P1	5680.61	5893.35	6106.09	6341.68	6577.27	6812.86	7048.45	7284.04
P2	6116.08	6371.66	6627.24	6882.82	7138.40	7393.98	7649.56	7905.14

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
TIMBALAN PESURUHJAYA POLIS**

(RM SEBULAN)

PANGKAT : TIMBALAN PESURUHJAYA POLIS

- I. GRED GAJI SSM: VUYA7**
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: VUYA0700**
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009**

JADUAL GAJI SSM : VUYA7

	T1	T2	T3	T4	T5
MATAGAJI	6688.03	7337.44	8049.91	8831.56	9613.21

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
PESURUHJAYA POLIS**

(RM SEBULAN)

PANGKAT : PESURUHJAYA POLIS

I. GRED GAJI SSM: VUYA6

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: VUYA0600

III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009

JADUAL GAJI SSM : VUYA6

	T1	T2	T3	T4	T5
MATAGAJI	7290.00	7997.86	8774.45	9626.45	10478.45

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA**

(RM SEBULAN)

PANGKAT : TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA

I. GRED GAJI SSM: VUYA5

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: VUYA0500

III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009

JADUAL GAJI SSM : VUYA5

	T1	T2	T3	T4	T5
MATAGAJI	7887.03	8652.00	9491.25	10411.99	11332.73

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
KETUA POLIS NEGARA**

(RM SEBULAN)

PANGKAT : KETUA POLIS NEGARA

I. GRED GAJI SSM: VUYA3

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: VUYA0300

III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009

JADUAL GAJI SSM : VUYA3

	T1	T2	T3	T4	T5
MATAGAJI	9615.98	10577.58	11635.34	12798.88	13962.42

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
PEGAWAI KANAN POLIS**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Kanan Polis Gred YA13, YA16, YA18, YA20, YA22, YA24

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Polis Diraja Malaysia

3. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

3.1 Inspektor Polis Gred YA13

3.1.1 Aspek Kepolisan Am dan Pencegahan Jenayah

- a. Bertanggungjawab mengurus tadbir pengurusan kepolisan dan aktiviti jenayah;
- b. Melaksanakan tugas Ketua Polis Balai;
- c. Melaksanakan tugas-tugas ketua unit/ aktiviti di peringkat IPD/ IPK/ Formasi dan Ibu Pejabat;
- d. Mengkoordinasikan anggota bawahan mengikut Sistem Kawalan Disiplin dan Dadah (SKDD);
- e. Melaksana dan mengawal selia tugas penguatkuasaan undang-undang; dan
- f. Merancang dan mengetuai operasi pencegahan jenayah.

3.1.2 Aspek Penyiasatan dan Pendakwaan/ Perundangan

- a. Bertanggungjawab menjalankan siasatan kes-kes serius dan menarik perhatian mengikut prosedur perundangan;
- b. Menjalankan tugas pendakwaan di mahkamah Majistret/ Sesyen;
- c. Mengetuai serbuan dan penggeledahan;
- d. Meneliti setiap laporan polis bagi tujuan mengklasifikasikan kesalahan di bawah takrif undang-undang; dan
- e. Mengawal selia dan memantau penyiasatan pegawai bawahan.

3.1.3 Aspek Keselamatan/ Ketenteraman Awam

- a. Bertanggungjawab mengatur, menyelia dan mengetuai tugas-tugas mengawal keselamatan/ ketenteraman awam;
- b. Menyelia dan mengetuai tugas-tugas mencari dan menyelamatkan;
- c. Melaksana dan mengawal selia keperluan sumber dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan;
- d. Melaksana dan mengawal selia tugas dalam menghadapi acara-acara besar peringkat balai dan daerah; dan
- e. Ketua Pegawai bertugas di Pusat Kawalan Daerah dan Kontinjen.

- 3.1.4 Aspek Risikan Keselamatan
 - a. Mengumpul maklumat risikan keselamatan daripada ancaman dalam dan luar negara;
 - b. Membuat penilaian dan perbandingan terhadap maklumat keselamatan;
 - c. Menyelia dan menjalankan tugas kawalan keselamatan; dan
 - d. Ketua Pegawai bertugas di Pusat Kawalan Cawangan Khas Kontinjen dan Ibu Pejabat.

- 3.1.5 Tugas-tugas Khas/ Tambahan
 - a. Memberi bantuan kepada agensi luar dalam melaksana dan penguatkuasaan undang-undang;
 - b. Pegawai Perhubungan sekolah;
 - c. Mengetuai/ menganggotai jawatankuasa program-program keselamatan dan kepolisan komuniti seperti RAKAN COP/ Rukun Tetangga;
 - d. Mewakili PDRM dalam mesyuarat majlis tempatan dan agensi luar dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang;
 - e. Membantu/ melaksanakan program SUKSIS dan program Kadet Polis di semua peringkat; dan
 - f. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan.

- 3.1.6 Pengurusan Organisasi
 - a. Merancang/ menyelia penggunaan sumber tenaga manusia;
 - b. Menilai prestasi individu/ unit;
 - c. Mempertingkatkan prestasi dan penambahbaikan;
 - d. Merancang dan menyelia latihan dalam perkhidmatan; dan
 - e. Mengawal disiplin dan etika kerja.

3.2 Penolong Penguasa Polis Gred YA16

- 3.2.1 Aspek Kepolisan Am dan Pencegahan Jenayah
 - a. Bertanggungjawab mengurus tadbir pengurusan kepolisan dan aktiviti jenayah;
 - b. Melaksanakan tugas-tugas ketua bahagian/ aktiviti di peringkat IPD/ IPK/ Formasi dan Ibu Pejabat;
 - c. Mengkoordinasikan anggota bawahan mengikut Sistem Kawalan Disiplin dan Dadah (SKDD);
 - d. Melaksana dan mengawal selia tugas penguatkuasaan undang-undang; dan
 - e. Merancang dan mengetuai operasi pencegahan jenayah.

- 3.2.2 Aspek Penyiasatan dan Pendakwaan/ Perundangan
 - a. Bertanggungjawab menjalankan siasatan kes-kes serius dan menarik perhatian mengikut prosedur perundangan;
 - b. Menjalankan tugas pendakwaan di mahkamah Majistret/ Sesyen;
 - c. Mengetuai serbuan dan penggeledahan;
 - d. Mengawal selia dan memantau penyiasatan pegawai bawahan; dan
 - e. Membuat keputusan terhadap klasifikasi laporan polis.

- 3.2.3 Aspek Keselamatan/ Ketenteraman Awam
 - a. Bertanggungjawab mengatur, menyelia dan mengetuai tugas-tugas mengawal keselamatan/ ketenteraman awam;
 - b. Menyelia dan mengetuai tugas-tugas mencari dan menyelamatkan;
 - c. Melaksana dan mengawal selia keperluan sumber dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan;
 - d. Melaksana dan mengawal selia tugas dalam menghadapi acara-acara besar peringkat daerah dan Kontinjen; dan
 - e. Ketua Pegawai bertugas di Pusat Kawalan Daerah dan Kontinjen.

- 3.2.4 Aspek Risikan Keselamatan
 - a. Mengumpul maklumat risikan keselamatan daripada ancaman dalam dan luar negara;
 - b. Membuat penilaian dan perbandingan terhadap maklumat keselamatan;
 - c. Menyelia dan menjalankan tugas kawalan keselamatan; dan
 - d. Ketua Pegawai bertugas di Pusat Kawalan Cawangan Khas Kontinjen dan Ibu Pejabat.

- 3.2.5 Tugas-tugas Khas/ Tambahan
 - a. Menyelaras bantuan kepada agensi luar, dalam melaksana dan penguatkuasaan undang-undang;
 - b. Pegawai Perhubungan sekolah menengah/ IPTA/ IPTS;
 - c. Mengetuai/ menganggotai jawatankuasa program-program keselamatan dan kepolisan komuniti seperti RAKAN COP/ Rukun Tetangga;
 - d. Mewakili PDRM dalam mesyuarat majlis tempatan dan agensi luar dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang;

- e. Menyelaras program SUKSIS dan program Kadet Polis di semua peringkat; dan
- f. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan.

3.2.6 Pengurusan Organisasi

- a. Merancang/ menyelia penggunaan dan pembangunan sumber manusia;
- b. Menilai prestasi individu/ unit;
- c. Mempertingkatkan prestasi dan penambahbaikan;
- d. Merancang dan menyelia latihan dalam perkhidmatan; dan
- e. Mengawal disiplin dan etika kerja.

3.3 Timbalan Penguasa Polis Gred YA18

- 3.3.1 Aspek Kepolisan Am dan Pencegahan Jenayah
- a. Bertanggungjawab mengurus tadbir pengurusan kepolisan dan aktiviti jenayah;
 - b. Melaksanakan tugas Ketua Polis Daerah/ Timbalan Ketua Polis Daerah;
 - c. Melaksanakan tugas-tugas ketua Bahagian/ Unit/ aktiviti di peringkat IPD/ IPK/ Formasi dan Ibu Pejabat;
 - d. Mengkoordinasikan anggota bawahan mengikut Sistem Kawalan Disiplin dan Dadah (SKDD);
 - e. Membantu menyediakan dasar di peringkat Bahagian/ Daerah;
 - f. Melaksana dan mengawal selia tugas penguatkuasaan undang-undang; dan
 - g. Merancang dan mengetuai operasi pencegahan jenayah.
- 3.3.2 Aspek Penyiasatan dan Pendakwaan/ Perundangan
- a. Bertanggungjawab menjalankan siasatan kes-kes serius dan menarik perhatian mengikut prosedur perundangan;
 - b. Mengetuai serbuan dan pengeledahan;
 - c. Membuat keputusan terhadap klasifikasi laporan polis;
 - d. Mengawal selia dan memantau penyiasatan pegawai bawahan; dan
 - e. Memberi maklumbalas mengenai status siasatan kepada pengadu.
- 3.3.3 Aspek Keselamatan/ Ketenteraman Awam
- a. Bertanggungjawab mengatur, menyelia dan mengetuai tugas-tugas mengawal keselamatan/ ketenteraman awam;
 - b. Menyelaras tugas-tugas mencari dan menyelamatkan;
 - c. Menyelaras keperluan sumber dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan;
 - d. Menyelaras tugas dalam menghadapi acara-acara besar peringkat balai dan daerah; dan
 - e. Ketua Pegawai bertugas di Pusat Kawalan Kontinjen dan Ibu Pejabat.
- 3.3.4 Aspek Risikan Keselamatan
- a. Menyelaras maklumat risikan keselamatan daripada ancaman dalam dan luar negara;
 - b. Menyelia tugas-tugas penilaian dan perbandingan terhadap maklumat keselamatan; dan
 - c. Menyelaras dan menjalankan tugas kawalan keselamatan.
- 3.3.5 Tugas-tugas Khas/ Tambahan
- a. Menyelaras bantuan kepada agensi luar, dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang;
 - b. Mengetuai/ menganggotai jawatankuasa program-program keselamatan dan kepolisan komuniti seperti RAKAN COP/ Rukun Tetangga;

- c. Mewakili PDRM dalam mesyuarat majlis tempatan dan agensi luar dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang; dan
- d. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan.

3.3.6 Pengurusan Organisasi

- a. Merancang/ menyelia penggunaan sumber tenaga manusia;
- b. Menilai prestasi individu/ unit;
- c. Mempertingkatkan prestasi dan penambahbaikan;
- d. Merancang dan menyelia latihan dalam perkhidmatan; dan
- e. Mengawal disiplin dan etika kerja.

3.4 Penguasa Polis Gred YA20

- 3.4.1 Aspek Kepolisan Am dan Pencegahan Jenayah
 - a. Bertanggungjawab mengurus tadbir pengurusan kepolisan dan aktiviti jenayah;
 - b. Melaksanakan tugas Ketua Polis Daerah/ Timbalan Ketua Polis Daerah;
 - c. Melaksanakan tugas-tugas ketua Bahagian/ Unit/ aktiviti di peringkat IPK/ Formasi dan Ibu Pejabat;
 - d. Memastikan anggota bawahan melaksanakan Sistem Kawalan Disiplin dan Dadah (SKDD);
 - e. Membantu menyediakan dasar di peringkat Kontinjen/ Formasi/ Ibu Pejabat; dan
 - f. Merancang dan mengetuai operasi dan pencegahan jenayah.
- 3.4.2 Aspek Penyiasatan dan Pendakwaan/ Perundangan
 - a. Bertanggungjawab menjalankan siasatan kes-kes serius dan menarik perhatian mengikut prosedur perundangan;
 - b. Mengetuai serbuan dan pengeledahan;
 - c. Memantau setiap laporan polis bagi tujuan mengklasifikasikan kesalahan di bawah takrif undang-undang; dan
 - d. Mengawal selia dan memantau penyiasatan pegawai bawahan.
- 3.4.3 Aspek Keselamatan/ Ketenteraman Awam
 - a. Bertanggungjawab mengatur, menyelia dan mengetuai tugas-tugas mengawal keselamatan/ ketenteraman awam;
 - b. Merancang dan menyelaras tugas-tugas mencari dan menyelamatkan;
 - c. Merancang keperluan sumber dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan;
 - d. Merancang dan menyelaras tugas dalam menghadapi acara-acara besar peringkat balai dan daerah; dan
 - e. Ketua Pegawai bertugas di Pusat Kawalan Ibu Pejabat.
- 3.4.4 Aspek Risikan Keselamatan
 - a. Menganalisis maklumat risikan keselamatan daripada ancaman dalam dan luar negara;
 - b. Merancang dan merangka strategi terhadap maklumat keselamatan; dan
 - c. Mengurus dan menyelia kawalan keselamatan dalam dan luar negara.
- 3.4.5 Tugas-tugas Khas/ Tambahan
 - a. Menyalurkan bantuan kepada agensi luar, dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang;
 - b. Mengetuai/ menganggotai jawatankuasa program-program keselamatan dan kepolisan komuniti seperti RAKAN COP/ Rukun Tetangga;
 - c. Memantapkan lagi jaringan kerjasama pelbagai agensi/ jabatan;

- d. Mewakili PDRM dalam mesyuarat majlis tempatan dan agensi luar dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang; dan
- e. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan.

3.4.6 Pengurusan Organisasi

- a. Merancang/ menyelia penggunaan sumber tenaga manusia;
- b. Menilai prestasi individu/ unit;
- c. Mempertingkatkan prestasi dan penambahbaikan;
- d. Merancang dan menyelia latihan dalam perkhidmatan; dan
- e. Mengawal disiplin dan etika kerja.

3.5 Penolong Pesuruhjaya Polis Gred YA22

- 3.5.1 Aspek Kepolisan Am dan Pencegahan Jenayah
 - a. Meluluskan arahan-arahan dan peraturan-peraturan penguatkuasaan undang-undang;
 - b. Mengkaji, merangka dan melaksanakan dasar serta peraturan-peraturan dalam menguatkuasakan undang-undang;
 - c. Menganalisis, memilih alternatif dan membuat keputusan dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang;
 - d. Mengkaji dan membuat keputusan dalam pelaksanaan program-program pencegahan jenayah; dan
 - e. Bertanggungjawab sebagai penasihat dan sumber rujukan di peringkat JKKD/ JKKN.

- 3.5.2 Aspek Penyiasatan dan Pendakwaan/ Perundangan
 - a. Menyelia perancangan dan penyelarasan siasatan;
 - b. Menganalisis hasil siasatan;
 - c. Mengawal dan menyelaraskan kualiti penyiasatan dan pendakwaan;
 - d. Merancang serta mengatur strategi dalam pembanterasannya jenayah terancang dan bersindiket;
 - e. Mengkoordinasi penyiasatan;
 - f. Menjalankan pemeriksaan dan audit penyiasatan;
 - g. Merangka arahan-arahan penyiasatan; dan
 - h. Menyelia dan memantau penyiasatan sulit yang melibatkan pasukan polis negara lain dan agensi-agensi lain di peringkat nasional dan antarabangsa.

- 3.5.3 Aspek Keselamatan/ Ketenteraman Awam
 - a. Membuat keputusan ke atas keperluan sumber dalam penugasan bagi mengekalkan keamanan dan keselamatan;
 - b. Membuat keputusan ke atas perancangan yang telah dibuat bagi menghadapi acara-acara besar peringkat nasional dan antarabangsa;
 - c. Membuat keputusan ke atas perancangan penugasan bagi menangani gangguan awam;
 - d. Mengkoordinasi bantuan-bantuan yang diperlukan oleh pasukan dan agensi luar dalam menangani gangguan awam;
 - e. Menganalisis pelaksanaan dalam mengekalkan keamanan dan ketenteraman; dan
 - f. Mengkoordinasi tindakan menyurui perhimpunan haram.

- 3.5.4 Aspek Risikan Keselamatan
 - a. Meluluskan perancangan dalam pengumpulan risikan keselamatan;
 - b. Melulus dan mengkoordinasi risikan keselamatan dalam PDRM dan agensi-agensi lain; dan
 - c. Membuat keputusan dalam penilaian tahap keselamatan negara bagi tujuan menangani ancaman dalam dan luar negara.

3.5.5 Tugas-tugas Khas/ Tambahan

- a. Meluluskan bantuan kepada agensi luar dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang;
- b. Mengetuai/ menganggotai jawatankuasa program-program keselamatan dan kepolisan komuniti seperti RAKAN COP/ Rukun Tetangga;
- c. Mengkoordinasi jaringan kerjasama pelbagai agensi/ jabatan;
- d. Mewakili PDRM di dalam mesyuarat majlis tempatan dan agensi luar dalam aspek Kepolisan; dan
- e. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan.

3.5.6 Pengurusan Organisasi

- a. Merancang/ menyelia penggunaan sumber tenaga manusia;
- b. Menilai prestasi Bahagian/ Formasi/ Ibu Pejabat;
- c. Mempertingkatkan prestasi dan penambahbaikan;
- d. Merancang strategi pembangunan modal insan yang dinamik;
- e. Menjatuhkan hukuman hingga tindakan buang kerja bagi Anggota Pangkat Rendah;
- f. Pengerusi Jawatankuasa Pengambilan dan Kenaikan Pangkat Anggota Pangkat Rendah;
- g. Merancang penyediaan anggaran belanjawan tahunan (ABM); dan
- h. Menggariskan perancangan strategik dalam aspek pembangunan organisasi dan infrastruktur.

3.6 Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred YA24

- 3.6.1 Aspek Kepolisan Am dan Pencegahan Jenayah
 - a. Menganalisis dan menilai dasar-dasar untuk dijadikan arahan-arahan serta peraturan-peraturan dalam penguatkuasaan undang-undang;
 - b. Menilai alternatif-alternatif dan keputusan yang dibuat; dan
 - c. Membuat keputusan dalam pelaksanaan program-program pencegahan jenayah.

- 3.6.2 Aspek Penyiasatan dan Pendakwaan/ Perundangan
 - a. Menganalisis dan menilai perancangan proses penyiasatan dan pendakwaan;
 - b. Menganalisis dan memberi cadangan untuk penambahbaikan aspek penyiasatan dan pendakwaan;
 - c. Mengkaji dan menilai pengurusan siasatan; dan
 - d. Mengkoordinasi penyiasatan.

- 3.6.3 Aspek Keselamatan/ Ketenteraman Awam
 - a. Menganalisis keperluan sumber dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan;
 - b. Menganalisis dan menilai perancangan yang dibuat dalam menghadapi acara-acara besar peringkat nasional dan antarabangsa;
 - c. Menganalisis dan menilai perancangan dalam menangani gangguan awam;
 - d. Menganalisis dan menilai bantuan-bantuan yang diperlukan dalam menghadapi gangguan awam;
 - e. Membuat perancangan strategik dalam mengekalkan ketenteraman awam; dan
 - f. Mengkoordinasi tindakan menyurui perhimpunan haram.

- 3.6.4 Aspek Risikan Keselamatan
 - a. Menganalisis dan membuat perancangan strategik dalam pengumpulan risikan keselamatan;
 - b. Memberi nasihat berkaitan risikan keselamatan dalam PDRM dan agensi-agensi lain; dan
 - c. Menasihati dan memberi cadangan-cadangan dalam menangani ancaman-ancaman dalam dan luar negara.

- 3.6.5 Tugas-tugas Khas/ Tambahan
 - a. Meluluskan bantuan kepada agensi luar dalam melaksana dan penguatkuasaan undang-undang;
 - b. Mengetuai/ menganggotai jawatankuasa program-program keselamatan dan kepolisan komuniti seperti RAKAN COP/ Rukun Tetangga;
 - c. Mengkoordinasi jaringan kerjasama pelbagai agensi/ jabatan;
 - d. Mewakili PDRM dalam mesyuarat agensi luar dalam aspek Kepolisan;

- e. Menganalisis dan menilai bantuan kepada agensi-agensi luar, dalam melaksana dan menguatkuasakan mana-mana undang-undang;
- f. Menganalisis kaedah tangkapan bagi kes-kes serius dan menarik perhatian;
- g. Menganalisis kaedah penyebaran maklumat untuk kepentingan awam;
- h. Menganalisis kaedah Pengendalian Krisis Keganasan dan pelaksanaan tugas pengurusan krisis dan bencana (MKN No. 18 dan No. 20); dan
- i. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan.

3.6.6 Pengurusan Organisasi

- a. Merancang/ menyelia penggunaan sumber tenaga manusia;
- b. Menilai prestasi Bahagian/ Formasi/ Ibu Pejabat;
- c. Mempertingkatkan prestasi dan penambahbaikan;
- d. Merancang strategi pembangunan modal insan yang dinamik;
- e. Menjatuhkan hukuman hingga tindakan buang kerja bagi Anggota Pangkat Rendah;
- f. Pengerusi Jawatankuasa Pengambilan dan Kenaikan Pangkat Anggota Pangkat Rendah;
- g. Merancang penyediaan anggaran belanjawan tahunan (ABM); dan
- h. Memastikan pelaksanaan perancangan strategik dalam aspek pembangunan organisasi dan infrastruktur berjalan lancar.

4. HUBUNGAN KERJA

4.1 Dalaman

- 4.1.1 Rakan sekerja; dan
- 4.1.2 Pegawai dan kakitangan dalam PDRM.

4.2 Luaran

- 4.2.1 Orang awam;
- 4.2.2 Syarikat swasta;
- 4.2.3 Sekolah/ Institusi Pengajian;
- 4.2.4 Agensi kerajaan;
- 4.2.5 Badan-badan bukan kerajaan (NGO); dan
- 4.2.6 Agensi penguatkuasa luar negara.

5. PERSEKITARAN KERJA

5.1 Dalaman

Mewujudkan suasana bekerja yang harmoni dan menanamkan sifat integriti ke atas setiap individu/ unit untuk pembangunan modal insan.

5.2 Luaran

Menjalinkan kerjasama masyarakat setempat berkonsepkan pakatan bestari.

6. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Latihan dalam bidang yang berkaitan dengan keperluan tugas semasa serta pembangunan kerjaya.

7. ANCAMAN

- 7.1 Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti berhadapan dengan penjenayah, ancaman terhadap nyawa, kemalangan, ugutan, fitnah dan kehilangan harta kerajaan;
- 7.2 Terdedah kepada penyakit berbahaya, pencemaran toksid dan pencemaran udara;
- 7.3 Terdedah kepada gangguan dan tekanan mental;
- 7.4 Kecenderungan kepada gejala rasuah; dan
- 7.5 Tekanan daripada NGO dan masyarakat.

8. NILAI KEPERIBADIAN DAN KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN

- 8.1 Berani dan yakin;
- 8.2 Berintegriti;
- 8.3 Kompeten;
- 8.4 Responsif dan progresif;
- 8.5 Setia dan akauntabiliti;
- 8.6 Prihatin dan mesra;
- 8.7 Bijaksana;
- 8.8 Kepimpinan; dan
- 8.9 Kerohanian.

LAMPIRAN E

SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN POLIS
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2009

- NAMA** 1. Kaedah-kaedah ini boleh dinamakan Kaedah-kaedah Polis (Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel), 2009 (kemudian daripada ini disebut “Kaedah-kaedah ini”) dan akan berkuat kuasa pada 1.1.2009.
- PEMAKAIAN** 2. Kaedah-kaedah ini hendaklah dipakai bagi seluruh Malaysia dan bagi semua Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang dilantik pada atau sebelum tarikh berkuat kuasanya Kaedah-kaedah ini.
- TAFSIRAN** 3. Semua perkara yang disebut dalam Kaedah-kaedah ini mempunyai makna yang sama dengan perbekalan-perbekalan dalam Akta Polis 1967.
- SKEL GAJI** 4. Skel gaji bagi perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel hendaklah seperti yang ditetapkan dalam jadual kepada Kaedah-kaedah ini.
- SYARAT LANTIKAN** 5. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN KONSTABEL

- (c) (i) lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA1 : P1T1)

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN SARJAN

- (d) (i) lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA5 : P1T1); atau

- (ii) diploma yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA5 : P1T2)

- (e) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);
 - (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.
- dan (f) kepujian dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN DARIPADA PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI DAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL SOKONGAN

- 6. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Sokongan adalah layak dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang diberi kuasa olehnya untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke pangkat Konstabel tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 5(c)(i) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas.
 - (b) diperakukan layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya;
- dan (c) berumur kurang 54 tahun pada tarikh lantikan.

PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN

- 7. Permohonan untuk lantikan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

- 8. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred YA1 boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 9. Konstabel lantikan terus atau kenaikan pangkat secara lantikan/ Sarjan lantikan terus adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

- KURSUS INDUKSI/
LATIHAN**
10. (a) Konstabel/ Sarjan lantikan terus melalui Kaedah 5 adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan mengikuti latihan selama tempoh yang ditentukan oleh Ketua Polis Negara dari semasa ke semasa.
- (b) Konstabel yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan melalui Kaedah 6 atau Sarjan yang dinaikkan pangkat melalui Kaedah 17(a) boleh dikecualikan daripada menjalani sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada latihan yang ditetapkan mengikut budi bicara Ketua Polis Negara.
- GAGAL DALAM LATIHAN
DAN PENAMATAN
LANTIKAN**
11. Konstabel/ Sarjan dalam tempoh percubaan yang gagal dalam latihannya boleh dipertimbangkan supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan.
- PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**
12. Konstabel/ Sarjan yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan latihan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Pegawai Memerintahnya.
- PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**
13. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEMAJUAN KE PANGKAT
LANS KOPERAL**
14. Konstabel adalah layak dipertimbangkan untuk kemajuan ke pangkat Lans Koperal apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan; dan
- (b) mendapat sokongan daripada Pegawai Memerintahnya.
- PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**
15. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT KOPERAL**
16. Konstabel yang telah disahkan dalam perkhidmatan atau Lans Koperal adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke pangkat Koperal yang kosong apabila telah:-
- (a) (i) lulus Peperiksaan Perkhidmatan (Peperiksaan Undang-undang Rendah); atau
- (ii) lulus peperiksaan ketukangan yang telah ditetapkan oleh Ketua Polis Negara;
- (Anggota-anggota yang memilih untuk berkhidmat terus dalam Cawangan Ketukangan tidak akan dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat untuk mengisi kekosongan bagi jawatan-jawatan di luar dari Cawangan Ketukangan. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka ingin bertukar keluar dari Cawangan Ketukangan mereka dikehendaki terlebih dahulu lulus Peperiksaan Undang-undang Rendah).

- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT SARJAN**

17. (a) Konstabel yang telah disahkan dalam perkhidmatan atau Lans Koperal adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke pangkat Sarjan yang kosong apabila telah:-
- (i) mempunyai kelayakan di perenggan 5(d);
 - (ii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (iii) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (iv) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.
- (b) Koperal adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Sarjan yang kosong apabila telah:-
- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (ii) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (iii) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT SARJAN
MEJAR**

18. Sarjan yang telah disahkan dalam perkhidmatan adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Sarjan Mejar yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT
SUB-INSPEKTOR**

19. Sarjan Mejar adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Sub-Inspektor yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

PEPERIKSAAN KHAS

20. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang telah disahkan dalam perkhidmatannya dan telah lulus Peperiksaan Undang-undang Pertengahan boleh mengambil Peperiksaan Khas yang disyaratkan untuk lantikan ke jawatan Inspektor.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PANGKAT INSPEKTOR
DALAM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KANAN POLIS**

21. Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau mana-mana pihak yang diberi kuasa olehnya untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke pangkat Inspektor yang kosong dalam perkhidmatan Pegawai Kanan Polis mengikut syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota : Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan yang berkuat kuasa pada 1.1.2008 di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 25 Tahun 2007 (Lampiran E) dan menggantikan skim perkhidmatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 24 Tahun 2008.

JADUAL
(KAEDAH 4)
(Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 25 Tahun 2009)

Pangkat	Gred	Jadual Gaji Matriks					
Konstabel	Gred YA1	:	P1T1	RM 897.00	-	P1T21	RM2065.40
			P2T1	RM 957.13	-	P2T21	RM2159.73
			P3T1	RM1018.99	-	P3T21	RM2256.19
Lans Koperal	Gred YA2	:	P1T1	RM1386.21	-	P1T14	RM2285.94
			P2T1	RM1534.07	-	P2T14	RM2515.57
Koperal	Gred YA4	:	P1T1	RM1071.61	-	P1T18	RM2551.66
			P2T1	RM1219.47	-	P2T18	RM2865.29
Sarjan (Lantikan)	Gred YA5	:	P1T1	RM1513.62	-	P1T18	RM3120.12
			P2T1	RM1611.56	-	P2T18	RM3276.54
			P3T1	RM1712.94	-	P3T18	RM3436.40
Sarjan	Gred YA6	:	P1T1	RM1513.62	-	P1T18	RM3120.12
			P2T1	RM1712.94	-	P2T18	RM3436.40
Sarjan Mejar	Gred YA8	:	P1T1	RM1773.16	-	P1T15	RM3204.52
			P2T1	RM1991.81	-	P2T15	RM3555.47
Sub-Inspektor	Gred YA10	:	P1T1	RM2032.71	-	P1T15	RM3464.07
			P2T1	RM2251.36	-	P2T15	RM3815.02

LAMPIRAN F

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Konstabel
- (b) Kementerian/Jabatan : Polis Diraja Malaysia
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Polis

2. Jadual Gaji

Gaji Matriks

Gred YA1	P1T1 RM897.00	-	P1T21 RM2065.40
	P2T1 RM957.13	-	P2T21 RM2159.73
	P3T1 RM1018.99	-	P3T21 RM2256.19

3. Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA1:P1T1)

- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);
 - (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.
- dan (e) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
4. Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Sokongan dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli adalah layak dipertimbang oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau pihak yang diberi kuasa olehnya untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Konstabel tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas;
 - (b) diperakukan layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya; dan
 - (c) berumur kurang 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : Tetap
6. Penaklukan di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Anggota yang memasuki perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : Melaksanakan tugas-tugas Perkhidmatan Polis.
8. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

LAMPIRAN F1

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Sarjan
 - (b) Kementerian/ Jabatan : Polis Diraja Malaysia
 - (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
 - (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Polis
2. Jadual Gaji Gaji Matriks
- | | | | |
|----------|----------------|---|-----------------|
| Gred YA5 | P1T1 RM1513.62 | - | P1T18 RM3120.12 |
| | P2T1 RM1611.56 | - | P2T18 RM3276.54 |
| | P3T1 RM1712.94 | - | P3T18 RM3436.40 |
3. Syarat Lantikan Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA5:P1T1);
atau

(ii) diploma yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred YA5:P1T2)
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;

- (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);
- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vi) diakui sihat oleh pegawai perubatan kerajaan termasuk pemeriksaan x-ray.

dan (e) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- 4. Taraf Jawatan : Tetap
- 5. Penaklukan di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Anggota yang memasuki perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 6. Fungsi Bidang Tugas : Melaksanakan tugas-tugas Perkhidmatan Polis.
- 7. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
SOKONGAN**

(RM SEBULAN)

PANGKAT : KONSTABEL

- I. GRED GAJI SSM: YA1**
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YA01000**
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009**

JADUAL GAJI SSM : YA1

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21
P1	897.00	955.42	1013.84	1072.26	1130.68	1189.10	1247.52	1305.94	1364.36	1422.78	1481.20	1539.62	1598.04	1656.46	1714.88	1773.30	1831.72	1890.14	1948.56	2006.98	2065.40
P2	957.13	1017.26	1077.39	1137.52	1197.65	1257.78	1317.91	1378.04	1438.17	1498.30	1558.43	1618.56	1678.69	1738.82	1798.95	1859.08	1919.21	1979.34	2039.47	2099.60	2159.73
P3	1018.99	1080.85	1142.71	1204.57	1266.43	1328.29	1390.15	1452.01	1513.87	1575.73	1637.59	1699.45	1761.31	1823.17	1885.03	1946.89	2008.75	2070.61	2132.47	2194.33	2256.19

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
SOKONGAN****(RM SEBULAN)****PANGKAT : LANS KOPERAL****I. GRED GAJI SSM: YA2****II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YA02000****III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009****JADUAL GAJI SSM : YA2**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14
P1	1386.21	1455.42	1524.63	1593.84	1663.05	1732.26	1801.47	1870.68	1939.89	2009.10	2078.31	2147.52	2216.73	2285.94
P2	1534.07	1609.57	1685.07	1760.57	1836.07	1911.57	1987.07	2062.57	2138.07	2213.57	2289.07	2364.57	2440.07	2515.57

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
SOKONGAN****(RM SEBULAN)****PANGKAT : KOPERAL****I. GRED GAJI SSM: YA4****II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YA04000****III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009****JADUAL GAJI SSM : YA4**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18
P1	1071.61	1140.82	1210.03	1279.24	1348.45	1417.66	1512.16	1606.66	1701.16	1795.66	1890.16	1984.66	2079.16	2173.66	2268.16	2362.66	2457.16	2551.66
P2	1219.47	1294.97	1370.47	1445.97	1547.35	1648.73	1750.11	1851.49	1952.87	2054.25	2155.63	2257.01	2358.39	2459.77	2561.15	2662.53	2763.91	2865.29

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
SOKONGAN**

(RM SEBULAN)

PANGKAT : SARJAN

I. GRED GAJI SSM: YA5

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YA05000

III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009

JADUAL GAJI SSM : YA5

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18
P1	1513.62	1608.12	1702.62	1797.12	1891.62	1986.12	2080.62	2175.12	2269.62	2364.12	2458.62	2553.12	2647.62	2742.12	2836.62	2931.12	3025.62	3120.12
P2	1611.56	1709.50	1807.44	1905.38	2003.32	2101.26	2199.20	2297.14	2395.08	2493.02	2590.96	2688.90	2786.84	2884.78	2982.72	3080.66	3178.60	3276.54
P3	1712.94	1814.32	1915.70	2017.08	2118.46	2219.84	2321.22	2422.60	2523.98	2625.36	2726.74	2828.12	2929.50	3030.88	3132.26	3233.64	3335.02	3436.40

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
SOKONGAN**

(RM SEBULAN)

PANGKAT : SARJAN

I. GRED GAJI SSM: YA6

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YA06000

III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009

JADUAL GAJI SSM : YA6

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18
P1	1513.62	1608.12	1702.62	1797.12	1891.62	1986.12	2080.62	2175.12	2269.62	2364.12	2458.62	2553.12	2647.62	2742.12	2836.62	2931.12	3025.62	3120.12
P2	1712.94	1814.32	1915.70	2017.08	2118.46	2219.84	2321.22	2422.60	2523.98	2625.36	2726.74	2828.12	2929.50	3030.88	3132.26	3233.64	3335.02	3436.40

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
SOKONGAN****(RM SEBULAN)****PANGKAT : SARJAN MEJAR****I. GRED GAJI SSM: YA8****II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YA08000****III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009****JADUAL GAJI SSM : YA8**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15
P1	1773.16	1875.40	1977.64	2079.88	2182.12	2284.36	2386.60	2488.84	2591.08	2693.32	2795.56	2897.80	3000.04	3102.28	3204.52
P2	1991.81	2103.50	2215.19	2326.88	2438.57	2550.26	2661.95	2773.64	2885.33	2997.02	3108.71	3220.40	3332.09	3443.78	3555.47

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
SOKONGAN****(RM SEBULAN)****PANGKAT : SUB - INSPEKTOR****I. GRED GAJI SSM: YA10****II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: YA10000****III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2009****JADUAL GAJI SSM : YA10**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15
P1	2032.71	2134.95	2237.19	2339.43	2441.67	2543.91	2646.15	2748.39	2850.63	2952.87	3055.11	3157.35	3259.59	3361.83	3464.07
P2	2251.36	2363.05	2474.74	2586.43	2698.12	2809.81	2921.50	3033.19	3144.88	3256.57	3368.26	3479.95	3591.64	3703.33	3815.02

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Gred YA1, YA2, YA4, YA5/6, YA8, YA10

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Polis Diraja Malaysia

3. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

3.1 Konstabel Gred YA1 dan Lans Koperal Gred YA2

- 3.1.1 Aspek Kepolisan Am dan Pencegahan Jenayah
 - a. Menjalankan aktiviti-aktiviti kepolisan masyarakat;
 - b. Menjalankan rondaan cegah jenayah (*bit/ patrol/ mobile patrol vehicle/ bot/ rondaan berkuda*);
 - c. Membuat tangkapan, mengawal dan mengiringi pesalah;
 - d. Melaksanakan urusan tadbir kepolisan di pos/ pondok/ balai/ IPD/ IPK/ Formasi dan Ibu Pejabat;
 - e. Melindungi harta benda dan nyawa; dan
 - f. Menjalankan tugas mengawal keselamatan di jalan raya/ persisiran pantai/ perairan dan sempadan Malaysia.
- 3.1.2 Aspek Penyiasatan dan Pendakwaan/ Perundangan
 - a. Mengumpul maklumat;
 - b. Membantu siasatan;
 - c. Membantu soal siasat; dan
 - d. Menjalankan tugas-tugas kepolisan di mahkamah/ menghadiri perbicaraan.
- 3.1.3 Aspek Keselamatan/ Ketenteraman Awam
 - a. Mengawal keselamatan dan ketenteraman awam (darat, perairan dan udara);
 - b. Mencari dan menyelamatkan; dan
 - c. Melaksanakan tugas mengiring.
- 3.1.4 Aspek Risikan Keselamatan
 - a. Mengumpul dan menyalur risikan keselamatan; dan
 - b. Membantu membuat tapisan keselamatan.
- 3.1.5 Tugas-tugas Khas/ Tambahan
 - a. Memberi bantuan kepada agensi luar dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang;
 - b. Pegawai Perhubungan sekolah;
 - c. Menganggotai jawatankuasa program-program keselamatan; dan
 - d. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan.

3.2 Koperal Gred YA4

- 3.2.1 Aspek Kepolisian Am dan Pencegahan Jenayah
 - a. Menyelia dan menjalankan aktiviti-aktiviti kepolisan masyarakat;
 - b. Menyelia dan menjalankan rondaan cegah jenayah (bit/ patrol/ *mobile patrol vehicle*/ bot/ rondaan berkuda);
 - c. Menyelia dan membuat tangkapan, mengawal dan mengirinigi pesalah;
 - d. Menyelia dan melaksanakan urus tadbir kepolisan di pos/ pondok/ balai/ IPD/ IPK/ Formasi dan Ibu Pejabat;
 - e. Melindungi harta benda dan nyawa; dan
 - f. Menyelia dan menjalankan tugas mengawal keselamatan di jalan raya/ persisiran pantai/ perairan dan sempadan Malaysia.
- 3.2.2 Aspek Penyiasatan dan Pendakwaan/ Perundangan
 - a. Menyelia dan melaksanakan tugas-tugas mengumpul maklumat;
 - b. Menyelia dan membantu siasatan;
 - c. Menyelia dan membantu soalsiasat; dan
 - d. Menyelia dan menjalankan tugas-tugas kepolisan di mahkamah/ menghadiri perbicaraan.
- 3.2.3 Aspek Keselamatan/ Ketenteraman Awam
 - a. Menyelia dan melaksanakan tugas-tugas mengawal keselamatan dan ketenteraman awam (darat, perairan dan udara);
 - b. Menyelia dan melaksanakan tugas-tugas mencari dan menyelamatkan; dan
 - c. Menyelia dan melaksanakan tugas mengiring.
- 3.2.4 Aspek Risikan Keselamatan
 - a. Menyelia dan melaksanakan tugas-tugas mengumpul dan menyalur risikan keselamatan; dan
 - b. Menyelia dan melaksanakan tugas-tugas membantu membuat tapisan keselamatan.
- 3.2.5 Tugas-tugas Khas/ Tambahan
 - a. Memberi bantuan kepada agensi luar dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang;
 - b. Pegawai Perhubungan sekolah;
 - c. Menganggotai jawatankuasa program-program keselamatan; dan
 - d. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan.
- 3.2.6 Pengurusan Organisasi
 - a. Mengatur dan menjalankan penggunaan sumber tenaga manusia;
 - b. Menilai prestasi individu/ unit;
 - c. Mempertingkatkan prestasi dan penambahbaikan;
 - d. Mengatur dan menjalankan latihan; dan
 - e. Mengawal disiplin dan etika kerja.

3.3 Sarjan Gred YA5/ 6

- 3.3.1 Aspek Kepolisian Am dan Pencegahan Jenayah
 - a. Bertanggungjawab mengurus tadbir pengurusan kepolisan dan aktiviti jenayah;
 - b. Melaksanakan tugas Ketua Polis Balai/ Timbalan Ketua Polis Balai; dan
 - c. Melaksanakan tugas-tugas ketua aktiviti di peringkat Balai/ IPD/ IPK/ Formasi dan Ibu Pejabat.

- 3.3.2 Aspek Penyiasatan dan Pendakwaan/ Perundangan
 - a. Bertanggungjawab menjalankan siasatan mengikut prosedur perundangan; dan
 - b. Menjalankan tugas pendakwaan.

- 3.3.3 Aspek Keselamatan/ Ketenteraman Awam
 - a. Bertanggungjawab mengatur, menyelia dan membantu mengawal keselamatan/ ketenteraman awam;
 - b. Menyelia dan melaksanakan tugas-tugas mencari dan menyelamatkan; dan
 - c. Penolong Pegawai bertugas di Pusat Kawalan Daerah dan Kontinjen.

- 3.3.4 Aspek Risikan Keselamatan
 - a. Bertanggungjawab mengumpul risikan keselamatan;
 - b. Menyelia dan menyalurkan maklumat keselamatan; dan
 - c. Menyelia dan melaksanakan tugas-tugas tapisan keselamatan.

- 3.3.5 Tugas-tugas Khas/ Tambahan
 - a. Memberi bantuan kepada agensi luar dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang;
 - b. Pegawai Perhubungan sekolah;
 - c. Menganggotai jawatankuasa program-program keselamatan;
 - d. Menyelia dan membantu melaksanakan program-program kepolisan komuniti seperti RAKAN COP/ Rukun Tetangga;
 - e. Mewakili PDRM dalam mesyuarat majlis tempatan dan agensi luar dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang;
 - f. Membantu/ melaksanakan program SUKSIS dan program Kadet Polis di semua peringkat; dan
 - g. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan.

- 3.3.6 Pengurusan Organisasi
 - a. Mengatur/ menyelia penggunaan sumber tenaga manusia;
 - b. Menilai prestasi individu/ unit;
 - c. Mempertingkatkan prestasi dan penambahbaikan;
 - d. Mengatur dan menyelia latihan dalam perkhidmatan; dan
 - e. Mengawal disiplin dan etika kerja.

3.4 Sarjan Mejar Gred YA8

- 3.4.1 Aspek Kepolisan Am dan Pencegahan Jenayah
 - a. Bertanggungjawab mengurus tadbir pengurusan kepolisan dan aktiviti jenayah;
 - b. Melaksanakan tugas Ketua Polis Balai/ Timbalan Ketua Polis Balai;
 - c. Melaksanakan dan mengawal selia tugas-tugas ketua aktiviti di peringkat Balai/ IPD/ IPK/ Formasi dan Ibu Pejabat; dan
 - d. Mengkoordinasikan anggota bawahan mengikut Sistem Kawalan Disiplin dan Dadah (SKDD).

- 3.4.2 Aspek Penyiasatan dan Pendakwaan/ Perundangan
 - a. Bertanggungjawab menjalankan siasatan mengikut prosedur perundangan; dan
 - b. Menjalankan tugas pendakwaan.

- 3.4.3 Aspek Keselamatan/ Ketenteraman Awam
 - a. Bertanggungjawab mengatur, menyelia dan membantu mengawal keselamatan/ ketenteraman awam;
 - b. Menyelia dan melaksanakan tugas-tugas mencari dan menyelamatkan; dan
 - c. Penolong Pegawai bertugas di Pusat Kawalan Daerah dan Kontinjen.

- 3.4.4 Aspek Risikan Keselamatan
 - a. Bertanggungjawab mengumpul risikan keselamatan;
 - b. Menyelia dan menyalurkan maklumat keselamatan; dan
 - c. Menyelia dan melaksanakan tugas-tugas tapisan keselamatan.

- 3.4.5 Tugas-tugas Khas/ Tambahan
 - a. Memberi bantuan kepada agensi luar dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang;
 - b. Pegawai Perhubungan sekolah;
 - c. Menganggotai jawatankuasa program-program keselamatan;
 - d. Menyelia dan membantu melaksana program-program kepolisan komuniti seperti RAKAN COP/ Rukun Tetangga;
 - e. Mewakili PDRM di dalam mesyuarat majlis tempatan dan agensi luar dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang;
 - f. Membantu/ melaksanakan program SUKSIS dan program Kadet Polis di semua peringkat; dan
 - g. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan.

- 3.4.6 Pengurusan Organisasi
 - a. Mengatur/ menyelia penggunaan sumber tenaga manusia;
 - b. Menilai prestasi individu/ unit;
 - c. Mempertingkatkan prestasi dan penambahbaikan;
 - d. Mengatur dan menyelia latihan dalam perkhidmatan; dan
 - e. Mengawal disiplin dan etika kerja.

3.5 Sub Inspektor Gred YA10

- 3.5.1 Aspek Kepolisan Am dan Pencegahan Jenayah
 - a. Bertanggungjawab mengurus tadbir pengurusan kepolisan dan aktiviti jenayah;
 - b. Melaksanakan tugas Ketua Polis Balai/ Timbalan Ketua Polis Balai;
 - c. Melaksanakan tugas-tugas ketua aktiviti di peringkat Balai/ IPD/ IPK/ Formasi dan Ibu Pejabat;
 - d. Mengkoordinasikan anggota bawahan mengikut Sistem Kawalan Disiplin dan Dadah (SKDD); dan
 - e. Menjalankan tugas-tugas kebajikan pegawai/ anggota/ PERKEP/ keluarga dan tatatertib di semua peringkat.
- 3.5.2 Aspek Penyiasatan dan Pendakwaan/ Perundangan
 - a. Bertanggungjawab menjalankan siasatan mengikut prosedur perundangan;
 - b. Menjalankan tugas pendakwaan; dan
 - c. Melakukan pengeledahan.
- 3.5.3 Aspek Keselamatan/ Ketenteraman Awam
 - a. Bertanggungjawab mengatur, menyelia dan membantu mengawal keselamatan/ ketenteraman awam;
 - b. Menyelia dan melaksanakan tugas-tugas mencari dan menyelamatkan; dan
 - c. Penolong Pegawai bertugas di Pusat Kawalan Daerah dan Kontinjen.
- 3.5.4 Aspek Risikan Keselamatan
 - a. Bertanggungjawab mengumpul risikan keselamatan;
 - b. Menyelia dan menyalurkan maklumat keselamatan; dan
 - c. Menyelia dan melaksanakan tugas-tugas tapisan keselamatan.
- 3.5.5 Tugas-tugas Khas/ Tambahan
 - a. Memberi bantuan kepada agensi luar dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang;
 - b. Pegawai Perhubungan sekolah;
 - c. Menganggotai jawatankuasa program-program keselamatan;
 - d. Menyelia dan membantu melaksana program-program kepolisan komuniti seperti RAKAN COP/ Rukun Tetangga;
 - e. Mewakili PDRM di dalam mesyuarat majlis tempatan dan agensi luar dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang;
 - f. Membantu/ melaksanakan program SUKSIS dan program Kadet Polis di semua peringkat; dan
 - g. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan.
- 3.5.6 Pengurusan Organisasi
 - a. Mengatur/ menyelia penggunaan sumber tenaga manusia;
 - b. Menilai prestasi individu/ unit;
 - c. Mempertingkatkan prestasi dan penambahbaikan;
 - d. Mengatur dan menyelia latihan dalam perkhidmatan; dan
 - e. Mengawal disiplin dan etika kerja.

4. HUBUNGAN KERJA

4.1 Dalaman

- 4.1.1 Rakan sekerja; dan
- 4.1.2 Pegawai dan kakitangan dalam PDRM.

4.2 Luaran

- 4.2.1 Orang awam;
- 4.2.2 Syarikat swasta;
- 4.2.3 Sekolah/ Institusi Pengajian;
- 4.2.4 Agensi Kerajaan;
- 4.2.5 Badan-badan bukan kerajaan (NGO); dan
- 4.2.6 Agensi penguatkuasa luar negara.

5. PERSEKITARAN KERJA

5.1 Dalaman

Mewujudkan suasana bekerja yang harmoni dan menanamkan sifat integriti ke atas setiap individu/ unit untuk pembangunan modal insan.

5.2 Luaran

Menjalinkan kerjasama masyarakat setempat berkonsepkan pakatan bestari.

6. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Latihan dalam bidang yang berkaitan dengan keperluan tugas semasa serta pembangunan kerjaya.

7. ANCAMAN

- 7.1 Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti berhadapan dengan penjenayah, ancaman terhadap nyawa, kemalangan, ugutan, fitnah dan kehilangan harta kerajaan;
- 7.2 Terdedah kepada penyakit berbahaya, pencemaran toksid dan pencemaran udara;
- 7.3 Terdedah kepada gangguan dan tekanan mental;
- 7.4 Kecenderungan kepada gejala rasuah; dan
- 7.5 Tekanan daripada NGO dan masyarakat.

8. NILAI KEPERIBADIAN DAN KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN

- 8.1 Berani dan yakin;
- 8.2 Berintegriti;
- 8.3 Kompeten;
- 8.4 Responsif dan progresif;
- 8.5 Setia dan akauntabiliti;
- 8.6 Prihatin dan mesra;
- 8.7 Bijaksana;
- 8.8 Kepimpinan; dan
- 8.9 Kerohanian.

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM
PERKHIDMATAN PEGAWAI KANAN POLIS DI BAWAH KLASIFIKASI
PERKHIDMATAN POLIS**

(kepada pegawai tetap yang memenuhi syarat tukar lantik)

(Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik)

.....
.....

Fail Rujukan:

Tarikh:

Nama: (Nama pegawai)

Alamat:
.....

Melalui Ketua Jabatan:

(Nama Ketua Jabatan)

.....
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN
KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI KANAN POLIS**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk mengubah skim perkhidmatan bersepadu Pegawai Kanan Polis kepada skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis berkuat kuasa pada 1 Januari 2009. Sehubungan itu, tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dengan gaji RM..... (P...T...) atas Gred YA..... mulai 1 Januari 2009.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran J1** dan hendaklah **dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 25 Tahun 2009**. Tuan/puan dikehendaki memberi jawapan sama ada menerima atau menolak tawaran ini dengan mengisi borang opsyen di

Lampiran J2 dan jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada
.....

2.1 **Menerima Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (a)
di **Lampiran J2**; atau

2.2 **Menolak Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (b)
di **Lampiran J2**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Tandatangan)
Pihak Berkuasa Melantik

LAMPIRAN J1

SYARAT-SYARAT TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI KANAN POLIS

(bagi pegawai tetap yang memenuhi syarat tukar lantik)

1. Kerajaan telah memutuskan untuk mengubah skim perkhidmatan bersepadu Pegawai Kanan Polis Gred YY11, YY14, YY15/16, YY18, YY20, YY22, YY24, YY26 kepada skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis Gred YA13, YA16, YA18, YA20, YA22, YA24. Dengan keputusan ini, tuan/puan diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis yang baru ataupun jika menolak akan kekal dalam skim perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah **muktamad**. **OPSYEN**
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah selama **tiga puluh (30) hari** mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap menolak tawaran pertukaran pelantikan ini. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
3. Tuan/puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis pada gred/pangkat yang bersesuaian dengan jawatan di skim perkhidmatan asal. Gelaran jawatan tuan/puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut. **JAWATAN YANG DITAWARKAN**
4. Tuan/puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU**
5. (a) Tuan/puan yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran dengan mata gaji akhir gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru. **GAJI PERMULAAN**

(b) Tuan/puan yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan mata gaji tertinggi berhampiran di gred jawatan asal di Peringkat (P) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika mata gaji di

Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

- (c) Jika mata gaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip yang dinyatakan di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.
6. Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh tuan/puan dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan hendaklah diberikan di gred jawatan baru. **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/puan berubah kepada satu tarikh baru pada tahun berikutnya selepas berkuat kuasanya pertukaran pelantikan ini. TPG baru itu ialah pada 1 Januari tahun berikutnya. **TARIKH PERGERAKAN GAJI**
8. Tuan/puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/puan telah disahkan dalam perkhidmatan di gred jawatan asal atau tuan/puan ditukar lantik ke gred kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun untuk tujuan pensen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN**
9. Tuan/puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan di gred jawatan asal dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan perkhidmatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di perkhidmatan asal adalah dikecualikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**
10. Kekananan tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini dikekalkan. **KEKANANAN**
11. Jika tuan/puan belum disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan asal dan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semasa disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan baru. **OPSYEN SKIM KWSP**

12. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. **TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN**
13. Jika tuan/puan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak dipertimbang diberi taraf pegawai berpencen mengikut peraturan pencen yang berkuat kuasa. **PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**
14. Tuan/puan yang dilantik ke skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis ke gred-gred berkenaan yang sama/ setaraf boleh menggunakan pakai kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di gred jawatan asal sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbang Anjakan Gaji dan/atau kenaikan pangkat berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa. Selain daripada itu, tuan/puan yang telah melepasi tahap kecekapan yang diperlukan bagi mana-mana komponen PTK atas gred jawatan asal tidak perlu menduduki semula komponen berkenaan. Sebaliknya tuan/puan hanya perlu menduduki mana-mana komponen PTK yang belum melepasi tahap kecekapan di gred jawatan baru.
- Manakala tuan/puan yang berada di jawatan Inspektor dan Ketua Inspektor yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis baru pada gred yang lebih tinggi, tidak boleh menggunakan pakai kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di gred jawatan asal sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/atau kenaikan pangkat berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa.
15. Tuan/puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan pemberian wang tunai Gantian Cuti Rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. **CUTI REHAT**
16. Tuan/puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan. **PENEMPATAN**
